

Kepemimpinan, ketegasan Anwar tuai keyakinan rakyat

Kerajaan
Perpaduan komited
perjuangkan
pembaharuan
dan amalan
tadbir urus baik

Oleh Fahray A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pembentangan Belanjawan 2025 yang juga terbesar dalam sejarah, mencerminkan iltizam Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk memanfaatkan peruntukan lebih tinggi ini bagi menunaikan pelbagai janji reformasi yang dilaungkan selama ini.

Antara penegasan yang kerap diulang Perdana Menteri kepada penjawat awam secara keseluruhannya ialah penerapan tatakelola lebih baik dan berpegang kepada integriti supaya ketirisan serta rasuah dapat dihapuskan.

Selain usaha memperkukuh ekonomi negara, Perdana Menteri mengakui kepentingan tumpuan khusus diberi ke arah memerangi rasuah, malah Kerajaan Perpaduan komited memperjuangkan pembaharuan dan menegakkan amalan tadbir urus baik.

Pembentangan Belanjawan 2025 memperlihatkan kesungguhan Putrajaya memperhebat usaha melawan rasuah menerusi peruntukan tambahan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Agensi penting itu mendapat peruntukan sebanyak RM360 juta ketimbang RM338 juta tahun lalu.

Iltizam Perdana Menteri menangani jenayah rasuah diimbangi dengan tekad SPRM menyelesaikan pelbagai kes, selain dasar perlu dirangka, dilaksana dan dilunaskan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata pihaknya akan terus berusaha membasmi jenayah rasuah di negara ini seiring visi dan misi kerajaan yang mahu meningkatkan integriti serta kewibawaan dalam sektor awam.

Usaha kerajaan tidak berakhir dengan mengumumkan peruntukan, sebaliknya diiringi tindakan selari perancangan.

Pada 7 Mei lalu, kerajaan melancarkan Strategi Pembantahan Rasuah Nasional (NACS)



2024-2028 yang antara lain menggariskan strategi teras secara tuntas dan menyeluruh dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia.

Pendekatan itu adalah kesinambungan dan penambahbaikan terhadap Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang dimulakan pada 2019.

NACS ditampikan dengan rangka kerja dan hala tuju lebih jelas untuk membanteras rasuah di setiap peringkat.

Ini membuktikan penekanan strategi itu bukan terarah untuk membanteras isu integriti seperti rasuah dalam kerajaan semata-mata, tetapi turut merangkumi syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Penekanan memerangi rasuah dalam Belanjawan 2025 memerlukan pelbagai suntikan strategik, termasuk penggabungan Rang Undang-Undang (RUU) Perolehan Kerajaan (PK) bagi meningkatkan ketelusan dalam proses perolehan kerajaan.

Presiden Transparency International Malaysia (TI-M), Dr Muhammad Mohan, pernah mempersoalkan ketelusan memproses tender menggunakan rundingan terus bagi setengah projek.

Ini membuktikan kepentingan pindaan ke arah memperbaiki kelompongan urusan perolehan kerajaan yang kerap terpalit dengan isu kecurangan.



Anwar sentiasa tegaskan untuk memastikan negara diurus dengan tatakelola lebih baik dan berpegang kepada integriti supaya ketirisan serta rasuah dapat dihapuskan.



Anwar merangkap Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat pada 18 Oktober lalu.

(Foto fail NSTP)

Langkah yang diharap dapat dibentang di Parlimen tahun depan itu mustahak untuk memastikan pemberian tender kerajaan mengikut prosedur ditetapkan, sebagai usaha membendung rasuah daripada berleluasa.

Contoh pengurusan tatakelola

Hal itu ditegaskan Presiden Persatuan Integriti dan Tadbir Urus Malaysia (MIG), Datuk Seri Dr Akhbar Satar, yang berpandangan kerajaan harus menjadi contoh pengurusan tatakelola bagi memastikan pembudayaan nilai integriti dapat diteladani dan menjadi ikutan.

Penggabungan RUU sedemikian dapat mewujudkan perundangan bagi mengawal selia proses perolehan kerajaan serta

memperinci kuasa pihak berkepentingan di bawah peruntukan akta.

Ini termasuk mewujudkan mekanisme semak dan imbang demi memastikan isu tatakelola yang dekat di hati Perdana Menteri ditambah baik serta mematuhi amalan terbaik peringkat global.

Usaha kerajaan berterusan apabila Parlimen meluluskan pindaan Akta Audit 1957 (Akta 62) untuk memberi kuasa lebih luas kepada Ketua Audit Negara dalam memastikan kecekapan pengurusan wang awam.

Pindaan terakhir dibuat 33 tahun lalu.

Antara kuasa baharu Ketua Audit Negara ialah boleh menjalankan pengauditan terhadap akaun 1,856 badan lain, termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Agensi memperkasakan institusi Parlimen turut menjadi perhatian Anwar menerusi pertambahan peruntukan kepada RM180 juta dalam Belanjawan 2025, berbanding RM166 juta tahun lalu.

Menjamin untuk terus memelihara kebebasan institusi Parlimen, Kerajaan MADANI menegaskan sebahagian peruntukan bertujuan memperkasakan peranan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negara dan Dewan Rakyat sebagai wahana semak dan imbang.

Belanjawan 2025 membuktikan pelbagai pendekatan kerajaan dalam isu rasuah dan integriti, bukan usaha sepele atau digerakkan satu pihak sahaja, sebaliknya menuntut usaha berterusan semua pihak.

Prestasi ditunjukkan bukan sahaja penting untuk menambatkan kedudukan negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI), tetapi juga memperbetul salah tanggapan terhadap kerajaan.

Penyelidikan pensyarah ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapati, rasuah dan akauntabiliti lemah secara tidak langsung memberi kesan terhadap ekonomi dan kehidupan sosial masyarakat.

Justeru, segala peruntukan berkaitan usaha meningkatkan aspek integriti dan tatakelola menerusi Belanjawan 2025 mesti digunakan sebaiknya supaya pentadbiran Kerajaan MADANI dapat terus memacu pembangunan negara.

(Foto fail NSTP)